

Penulisan Kreatif Sebagai Penyumbang kepada Membudayakan Kreativiti Pelajar Berdasarkan Teknologi di KUKTEM – Satu Pemangkin kepada Pelaksanaan *Soft Skills*

Ida Rizyani Tahir
Pusat Pengurusan Teknologi,
Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM)
Karung Berkunci 12,
25000 Kuantan, Pahang
rizyani@kuktem.edu.my

Haslinda Hj Hashim
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)
Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM)
Karung Berkunci 12,
25000 Kuantan, Pahang
Tel: +6095492466, Faks: +609 549 2477
Laman web: <http://www.kuktem.edu.my/>
haslinda@kuktem.edu.my

Abstrak: Kemahiran komunikasi adalah merupakan salah satu elemen di dalam kemahiran *Soft Skills* bagi memastikan graduan berketrampilan tinggi. Pelajar yang mempunyai kemahiran berkomunikasi dianggap cemerlang kerana dapat menyampaikan maklumat dengan lebih efektif. Berkomunikasi secara lisan (*oral communication*) mahupun secara penulisan (*written communication*) merupakan antara elemen *Soft Skills* yang diutamakan di KUKTEM. Seringkali kita mendengar kritikan mengenai pelajar kejuruteraan yang tidak mampu melahirkan idea-idea bernas melalui penulisan kerana mereka lebih terdedah kepada kemahiran *hands on*. Menyahut cabaran kritikan tersebut, subjek ko kurikulum penulisan kreatif diwujudkan di KUKTEM dan ianya berperanan untuk membantu pelajar berkongsi idea dan memberikan ruang kepada pelajar untuk menjadikan minat mereka untuk menulis sebagai langkah kepada peluang keusahawanan di masa akan datang. Di sinilah pengurusan kreativiti berasaskan teknologi memainkan peranannya. Kertas ini akan membincangkan tentang penulisan kreatif sebagai penyumbang kepada kreativiti pelajar dengan lebih terperinci. Penulisan kreatif memberikan ruang kepada pelajar untuk meluahkan idea secara objektif dan dapat meningkatkan tahap motivasi pelajar di dalam pembentukan personaliti. Elemen-elemen seperti memotivasikan diri (*self motivation*), pembentukan diri (*self development*), keyakinan diri (*self confidence*) dan kepuasan diri (*self satisfaction*) dipercayai dapat menjadi faktor penyumbang ke arah pembentukan sahsiah pelajar untuk menangani pelbagai cabaran dunia masa kini. Peranan kemahiran menulis secara kreatif ini juga diharapkan akan membantu bakal graduan KUKTEM untuk menjadi lebih kritis kepada persekitaran apabila mereka memasuki alam pekerjaan kelak.

Katakunci: *Soft Skills*, penulisan kreatif, pengurusan kreativiti.

1. PENDAHULUAN

‘Dalam konteks dunia global, modal insan bermutu tinggi satu keperluan, bukan lagi kemewahan.’

(Abdullah (2006) Rancangan Malaysia Kesembilan-RMK9)

Melihat kepada senario pengangguran di kalangan siswazah dewasa kini, banyak pihak mencari-cari ruang untuk memperbaiki sistem pendidikan di negara kita sekaligus membantu limpahan pelajar yang bakal bergelar graduan pada setiap tahun. Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUKTEM) tidak ketinggalan di dalam memberikan idea-idea baru untuk meningkatkan kemahiran para pelajar. KUKTEM merupakan sebuah universiti yang mempunyai pelajar khusus di dalam bidang kejuruteraan seperti kimia, mekanikal, elektrik, komputer serta awam. Bertanggungjawab mendidik pelajar kejuruteraan merupakan satu cabaran besar bagi melahirkan


bakal jurutera yang dapat memenuhi kehendak masyarakat serta pasaran industri. Beberapa persoalan timbul: apakah yang diperlukan untuk melahirkan jurutera yang 'sempurna'? Pelbagai persepsi dapat dilihat di dalam pembentukan jurutera yang 'sempurna'.

Masyarakat amnya melihat profesion jurutera sebagai profesional, seseorang yang mahir di dalam subjek matematik dan sains. Masyarakat juga mempunyai pandangan jurutera adalah mereka yang tidak perlu mempunyai kemahiran komunikasi memandangkan pekerjaan jurutera ini hanyalah berhubung bersama mesin. Biarpun situasi ini mungkin tidak benar, stigma ini sudah lama menguasai pemikiran ahli masyarakat. Bagi seorang pelajar pula, mereka yang mempunyai keputusan yang cemerlang di dalam matematik dan sains akan diberikan galakan untuk mengambil jurusan kejuruteraan tanpa mengambil kira apakah minat mereka yang sebenarnya. Secara automatiknya, guru-guru di sekolah juga akan mengklasifikasikan pelajar samada akan menyambung pelajaran di bidang sastera atau sains berdasarkan keputusan PMR, SPM dan STPM. Bagi seorang pensyarah, bidang kejuruteraan adalah sinonim dengan pelajar yang mempunyai penguasaan yang tinggi dalam bidang matematik. Pelajar kejuruteraan pula akan diberikan pelbagai pendedahan mengenai kemahiran memahami subjek secara teliti, menulis untuk jurnal, membuat kajian secara eksperimen, belajar secara individu dan penumpuan yang tinggi ketika kuliah. Stail kuliah pula adalah secara 'one way' dan biarpun ramai ahli akademik mengetahui kepentingan kerja berkumpulan, amatlah sukar untuk melaksanakan kuliah secara 'hands on'. Kekurangan pensyarah yang mempunyai pengalaman dalam bidang industri juga menghadkan pengetahuan pensyarah untuk membawa masuk kehidupan sebenar dari industri di dalam sistem pengajaran dan pembelajaran.

Industri pula telah menyenaraikan pelbagai kemahiran untuk dikuasai oleh graduan bidang kejuruteraan, antaranya adalah kemahiran kepimpinan, kemahiran menggunakan masa dengan efektif, 'problem solving skills', kerja berkumpulan, pemikiran secara kreatif, kritis, inovatif, kemahiran berkomunikasi serta sosialisasi dan lain-lain lagi. Dr Tarcisius Chin (2005), iaitu salah seorang daripada ahli 'Malaysian Institute of Management' berpendapat industri memerlukan '*Soft Skills in leadership, communication, interpersonal relations, problem-solving initiative, English language proficiency, confidence and other desirable personality attributes*'. Dapatan-dapatan ini telah memberikan ruang kepada pihak KUKTEM untuk melaksanakan program *Soft Skills* demi membantu pelajar agar mempunyai *added value* apabila mereka memasuki alam pekerjaan kelak. Untuk itu, salah satu kemahiran asasi yang ditekankan di kalangan pelajar KUKTEM adalah program *Soft Skills*. Program ini bertepatan dengan kehendak RMK9 yang menekankan pembangunan insan dan pihak universiti antara organisasi yang bertanggungjawab melahirkan graduan yang bukan sahaja akan memperoleh kemahiran teknikal serta pencapaian akademik, malah mempunyai integriti dan kemahiran yang dikehendaki oleh pihak industri khususnya. Kurikulum program ini dilaksanakan dalam sistem pengajian di KUKTEM secara bersepadu meliputi aktiviti akademik dan bukan akademik sepanjang tempoh pembelajaran di universiti. Di akhir perlaksanaan kurikulum ini, *Soft Skills* pelajar akan berjaya dibangunkan. Kertas kerja ini akan cuba mengenengahkan bagaimana penulisan secara kreatif akan membantu pelajar kejuruteraan KUKTEM melatih diri mereka agar lebih kreatif dan inovatif di dalam kehidupan mereka samada di kampus mahupun apabila mereka memasuki alam pekerjaan kelak.

2. KONSEP DAN KAEDAH PELAKSANAAN *SOFT SKILLS* DI KUKTEM

Skop Pelaksanaan Soft Skills di KUKTEM



Setiap pihak di KUKTEM menyumbang kepada pembangunan dan pelaksanaan program *Soft Skills*

PETUNJUK:


- ASDC = *Academic Skills Development Centre*
KMC = *Knowledge Management Centre*
PBMSK = *Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan*
HEP = *Hal Ehwal Pelajar*

Rajah 1: Kerangka Pelaksanaan Program *Soft Skills* di KUKTEM

Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan mempunyai peranan yang cukup besar sebagai 'provider' kepada program-program seperti Bahasa Moden (Bahasa Inggeris, Bahasa Mandarin, Bahasa Jepun, Bahasa Arab, Bahasa Jerman dan lain-lain subjek elektif), program Sains Kemanusiaan (Kenegaraan, Tamadun Islam dan Tamadun Asia dan lain-lain subjek elektif), program Ko Kurikulum (Briged Siswa, Wataniah, Kaunseling Industri dan lain-lain) serta program *Soft Skills* (Pengenalan kepada *Soft Skills* dan *Soft Skills* di industri). Sungguhpun PBMSK memikul amanah menguruskan program *Soft Skills* KUKTEM, tanggungjawab dari segi pembinaan dan penilaian turut dikongsi PBMSK bersama-sama kesemua fakulti yang ada, bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP), pihak Kolej Kediaman dan pusat pengurusan maklumat atau *Knowledge Management Centre (KMC)* serta *Academic Skills Development Centre (ASDC)* yang turut berperanan dalam menerapkan elemen-elemen *Soft Skills* kepada staf akademik.

Sementara itu, meskipun PBMSK telah diamanahkan untuk menyelaras program *Soft Skills* ini, namun Senat KUKTEM merupakan entiti yang mempunyai kuasa mutlak tertinggi dari segi struktur organisasi. Dalam melaksana tanggungjawab menyelaras program *Soft Skills* ini, Dekan dan Penyelaras *Soft Skills* PBMSK turut dibantu oleh satu jawatankuasa yang terdiri daripada semua Penyelaras *Soft Skills* di semua fakulti, HEP, Kolej Kediaman, bahagian atau unit yang berkaitan. Kesemua penyelaras ini pula dibantu oleh semua pensyarah mata pelajaran dan staf yang terlibat

dalam membuat penilaian *Soft Skills* pelajar. Hal ini bermakna setiap perkembangan pelajar dapat dipantau secara teratur seperti yang digambarkan dalam Rajah 2 berikut:



Rajah 2: Struktur Organisasi Program *Soft Skills* di KUKTEM

3. KAEDAH PELAKSANAAN *SOFT SKILLS* MELALUI ELEMEN KOMUNIKASI

Berdasarkan satu tinjauan yang telah dibuat, 79% daripada 373 pelajar dan 78% daripada 49 orang tenaga pelajar bersetuju bahawa program *Soft Skills* KUKTEM mampu meningkatkan penglibatan pelajar di dalam dewan atau bilik kuliah. Kajian ini juga mendapati bahawa majoriti pelajar (74%) dan kakitangan akademik (77%) berpendapat bahawa program ini berupaya memperbaiki sahsiah pelajarannya.

Sebagaimana visi KUKTEM untuk menjadi '*a world class competency-based technical university*', program *Soft Skills* memberi penumpuan untuk membangunkan sahsiah pelajar meliputi lima kemahiran utama iaitu *Positive Values*, *Teamworking*, *Learning Capabilities*, *Communication Skills* dan *Leadership*. Kemahiran ini akan dibangunkan oleh setiap pensyarah dalam aktiviti pembelajaran di bilik kuliah dan makmal secara berterusan dan bersepadu dalam matapelajaran kejuruteraan yang diajar.

Penekanan kemahiran berkomunikasi dilihat dalam 2 aspek iaitu kemahiran bertutur dan menulis. Kemahiran bertutur dibangunkan dengan memberikan tugas pembentangan (*presentation skills*) samada secara individu dan berkumpulan. Pencapaian pelajar dinilai berdasarkan perincian berikut iaitu: (a) kesesuaian bahasa yang digunakan iaitu dari aspek tatabahasa dan sebutan; (b) isi kandungan iaitu ketepatan maklumat, susunannya serta kejelasannya; (c) gaya penyampaian iaitu mempunyai hubungan mata (*eye contact*) dengan pendengar dan suara yang jelas; dan (d) persiapan yang dibuat oleh pelajar sebelum persembahan atau pembentangan (contoh: dengan mengadakan sesi temubual sebelum persembahan dan sebagainya). Dalam kemahiran komunikasi penulisan pula, perincian penilaian adalah sama seperti elemen (a) dan (b) dalam kemahiran pembentangan, walau

bagaimanapun keupayaan pelajar menggunakan sumber rujukan secara efektif juga diberi perhatian iaitu merangkumi aspek ketepatan maklumat dan kejelasan penyampaian isi kandungan serta kesesuaian penyusunan artikel dan tugas. Kemahiran menulis melalui program *Soft Skills* ini disokong sepenuhnya oleh subjek-subjek di PBMSK seperti UHL, UHM dan UHR. Subjek-subjek ini merangkumi kelas Bahasa Inggeris, Bahasa Asing, TITAS, Kenegaraan dan Pengajian Malaysia. Begitu juga subjek-subjek elektif lain yang mempunyai kepentingan yang cukup tinggi di dalam membantu pelajar mengembangkan pemikiran kreatif mereka.

4. KEMAHIRAN PENULISAN KREATIF KEPADA PELAJAR BIDANG KEJURUTERAAN

Sebagai sebuah negara yang amat mementingkan Sains dan Teknologi, graduan kejuruteraan dilihat sebagai insan yang bakal memajukan Malaysia. Sekalung ucapan tahniah buat para graduan di dalam bidang kejuruteraan. Secara umum, sekolah dan fakulti kejuruteraan telah membimbing bakal-bakal jurutera untuk menjadi jurutera berjaya di dalam kerjaya masing-masing. Namun adakah cukup untuk menjadi jurutera yang benar-benar berjaya, apabila hanya kemahiran teknikal diajar? Satu kajian yang pernah dijalankan oleh Colorado School of Mines dalam tahun 1978 mendapati bahawa graduan kejuruteraan kekurangan kemahiran komunikasi terutamanya kemahiran menulis.

Menurut pengalaman jurutera-jurutera, terdapat satu korelasi di antara kemahiran menulis dan kejayaan di dalam kerjaya. Ini adalah kerana jurutera yang mahir menulis lebih mudah menduduki jawatan pengurusan atasan berbanding dengan mereka yang kurang mahir menulis. Mereka yang kurang mahir akan tetap menjalankan kerja-kerja rutin dan peluang kenaikan pangkat lebih kecil. Para graduan kejuruteraan memang lebih terdedah kepada kemahiran *hands on*, oleh itu kemahiran menulis sering sahaja terabai.

Kebenarannya, kebanyakan graduan kejuruteraan mempunyai potensi menulis kerana mereka diajar untuk berfikir secara logik. Sehubungan dengan itu, mereka mempunyai keupayaan menulis lebih baik dari pelajar jurusan sains kemanusiaan. Apa yang mereka perlukan adalah panduan dan latihan yang berterusan. Pelajar-pelajar kejuruteraan telah didedahkan dengan subjek-subjek Matematik dan Sains yang memerlukan pemikiran logik yang tinggi. Justeru itu dengan mengasah bakat imaginasi, mereka akan menggunakan kedua-dua belah bahagian otak ke tahap yang maksimum. Penulisan kreatif akan membuatkan otak mereka bekerja dengan lebih baik lagi.

Memang terdapat anggapan pelajar-pelajar kejuruteraan dan sains bahawa novel dan buku cerita adalah remeh kerana mereka beranggapan novel hanyalah untuk pelajar-pelajar di bidang sastera sahaja kerana mereka mempunyai daya keintelektualan yang lebih tinggi. Menurut salah seorang penulis di Malaysia, John Norafizan yang juga Ketua Jurutera Industri di Venture Technocom Sdn. Bhd., beliau berpendapat dengan menulis beliau dapat berinteraksi dan berkomunikasi dengan orang-orang atasan dan bawahan dengan lebih berkesan. Ini adalah kerana apabila beliau menulis, beliau lebih peka dan sensitif dengan sikap seseorang. Menurut beliau lagi, dia dapat berfikir *Out of the box* dan membantu kerjaya beliau sebagai jurutera industri. Sehingga kini beliau telah menghasilkan dua buah novel yang bertajuk "Sempadan Tanpa Seri" dan "Tunjukkan Aku Satu Bintang" manakala novel "Cinderella Cinta" di dalam proses penghasilan.

Ini membuktikan bahawa penulisan kreatif berupaya menjadi pemangkin kepada kreativiti pelajar di dalam melaksanakan *Soft Skills* di KUKTEM. Sehubungan dengan itu, kreativiti pelajar

dan bakat yang dimiliki pelajar di dalam bidang kejuruteraan perlu diteroka supaya budaya *Soft Skills* di kalangan pelajar dapat dipraktikkan semasa di alam pekerjaan nanti.

5. PENULISAN KREATIF – TEORI SURAH YUSUF

Pelbagai kaedah dan metod boleh didapati di dalam persekitaran ketika menghadiri Bengkel Penulisan Kreatif di bawah bimbingan Puan Ainon Mohd. Kemahiran-kemahiran terbaru ini telah memberikan rasa takjub kepada pesertanya. Kaedah penulisan kreatif berdasarkan Surah Yusuf iaitu surah ke 12 di dalam Al Quran dijadikan model penulisan kreatif. Menurut kajian yang dilakukan oleh beliau dan beberapa orang rakan, Surah Yusuf terdiri daripada 74% ayat-ayat dialog. Sehubungan itu, cerita yang indah adalah cerita yang mempunyai dialog yang banyak dan ayat yang ditulis tidak terlalu panjang dan meleret-leret.

Melalui kaedah jibunsi yang diperkenalkan, seseorang penulis dapat menyiapkan sebuah buku di dalam masa yang singkat. Jibunsi bermaksud kisah benar kehidupan orang-orang biasa yang mampu memberi motivasi kepada pembaca untuk berubah menjadi individu yang baik. Ini kerana penulisan kreatif berdasarkan Surah Yusuf yang memfokuskan kepada penggunaan dialog mampu menarik perhatian pembaca kerana pembaca merasakan mereka adalah watak utama di dalam cerita tersebut. Kaedah ini juga membantu penulis meluahkan perasaan mereka dan tidak secara langsung mengasah kemahiran menulis di kalangan individu itu sendiri.

Mengapa Surah Yusuf dijadikan panduan? Di dalam Surah Yusuf terdapat cerita benar yang indah dan menjadi motivasi kepada para pembaca yang menunjukkan setiap orang yang pernah melakukan kejahatan ada potensi untuk berubah menjadi seorang yang baik dan berhemah tinggi. Kisah abang-abang yang irihati terhadap Nabi Yusuf dan Siti Zulaikha yang cuba menggoda Nabi Yusuf menjadi teladan bahawa setiap individu yang insaf berpeluang menjadi orang yang baik. Surah Yusuf juga menggunakan bahasa Arab tinggi dan ini memudahkan semua orang dapat memahaminya tanpa wujudnya kekeliruan. Ceritanya juga ditujukan kepada semua peringkat umur.

Terdapat beberapa percubaan tenaga pengajar mengajar penulisan kreatif di dalam pengajaran teknikal seperti matematik dan bidang kedoktoran. Ia bertujuan memberi motivasi kepada para pelajar dan satu cara ke arah pembangunan diri. Kemahiran menulis merupakan satu kemahiran yang sangat penting di dalam pembangunan kareer seseorang individu. Penulisan di dalam bentuk jurnal membantu seseorang menganalisa keupayaan dan kekuatan diri yang sebenar. Penulisan kreatif jurnal merupakan satu kaedah dan mekanisma pembelajaran yang melibatkan pelbagai teknik penulisan untuk meningkatkan pemikiran kreatif,

Objektif penulisan kreatif antara lain adalah:

- Mengawalselia objektif pembelajaran
- Menambah pemahaman tentang diri sendiri
- Sumber keseronokan dan kerehatan diri

Sehubungan dengan itu, untuk menghilangkan persepsi salah terhadap pelajar-pelajar kejuruteraan, KUKTEM telah mewujudkan satu subjek ko kurikulum Penulisan Kreatif yang bertujuan mengasah bakat menulis para pelajar. Melalui subjek ini, para pelajar akan dibimbing

secara teratur di dalam menghasilkan satu manuskrip berdasarkan teori Surah Yusuf. Para pelajar berpeluang meneroka diri sendiri dan mengeluarkan idea yang sekian lama terpendam tanpa mengetahui mereka sebenarnya mempunyai bakat yang boleh dikembangkan. Selaras dengan pembangunan diri pelajar, manuskrip yang dihasilkan adalah di dalam bentuk novel motivasi yang menggunakan dialog di dalam penyampaian mesej kepada pembaca.

Sukatan Subjek

Kewujudan subjek Penulisan Kreatif ini adalah membimbing pelajar yang bukan dari bidang sains kemanusiaan menghasilkan sebuah manuskrip yang akan dijadikan sebuah buku sebagai satu pemangkin ke arah membudayakan elemen *Soft Skills*. Elemen yang dimaksudkan adalah komunikasi penulisan. Selepas mempelajari beberapa kaedah, pelajar diharapkan dapat menghasilkan sebuah manuskrip dan akan dihantar kepada penerbit yang boleh dipercayai untuk diterbitkan.

Melalui subjek ini, pelajar akan dapat membina keyakinan diri (*self confidence*) dan memperolehi kepuasan diri (*self satisfaction*) selaras dengan objektif pembangunan lestari (*sustainable development*) di kalangan pelajar-pelajar supaya dapat bersaing di alam pekerjaan yang sebenar. Ia juga bertujuan mendedahkan kepada pelajar peluang yang dapat mereka terokai sebagai penulis dan menjadikan kerjaya ini sebagai peluang keusahawanan seperti yang dipraktikkan oleh kebanyakan penulis berjaya.

Minggu	Topik	Masa (Jam)
1	Pengenalan kepada Penulisan Kreatif (Bengkel Penulisan)	2
2	Teknik Penulisan: Teori Surah Yusuf <ul style="list-style-type: none"> ▪ Brainstorming – penentuan watak-watak di dalam cerita ▪ Teknik menamakan watak ▪ Menulis deraf pertama berdasarkan <i>Fishbone Diagram</i> 	2
3	Menulis deraf pertama <ul style="list-style-type: none"> ▪ Merancang strategi kejayaan buku 	2
4	Memahami penggunaan Bahasa Malaysia Tinggi dan kepentingannya <ul style="list-style-type: none"> ▪ Memahami trend pasaran buku dan citarasa pembaca 	2
5	Mengedit dan menilai deraf pertama <ul style="list-style-type: none"> ▪ Mengenalpasti kesilapan dan memperbaiki karya 	2
6	Menulis manuskrip seterusnya berdasarkan <i>KJ</i>	2

	<i>Method</i>	
7	Menilai manuskrip <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pengeditan oleh rakan-rakan sekumpulan 	2
8	Cuti Pertengahan Semester	2
9	Memahami kepentingan ilustrasi <ul style="list-style-type: none"> ▪ Peranan ilustrasi di dalam mempengaruhi pembaca ▪ Kesan kepada emosi pembaca 	2
10	Memahami hak sebagai penulis <ul style="list-style-type: none"> ▪ Cara memilih penerbit yang betul ▪ Undang-undang Hakcipta ▪ Memeterai perjanjian 	2
11	Mengedit Manuskrip (Akhir) <ul style="list-style-type: none"> ▪ Perbincangan menyeluruh ▪ Pertukaran maklumat di antara kumpulan ▪ Memilih Judul Buku 	2
12	Pembentangan Ringkasan Manuskrip 1	2
13	Pembentangan Ringkasan Manuskrip 2	2
14	Cara penghantaran manuskrip <ul style="list-style-type: none"> ▪ Format ▪ Maklumat yang perlu 	2
15	Memilih penerbit untuk menerbitkan manuskrip <ul style="list-style-type: none"> ▪ Penyediaan manuskrip ▪ Hubungan dengan Editor 	2

Penilaian adalah berdasarkan beberapa peringkat iaitu:

- Peringkat 1 - menghadiri bengkel penulisan (20%)
- Peringkat 2 - penulisan porfolio/jurnal kreatif (20%)
- Peringkat 3 - penghasilan manuskrip (60%)

Buku rujukan utama adalah *Buat Duit Dengan Menulis* dan rujukan lain adalah merupakan blog yang ditulis Pengerusi PTS Publication & Distribution iaitu Puan Ainon Mohd. Melalui sukatan yang dicadangkan, pelajar-pelajar akan dilatih secara lebih sistematik di dalam penghasilan manuskrip. Manuskrip yang dihasilkan adalah berkisar dengan kehidupan remaja yang mana sasaran

pembaca adalah remaja sendiri. Karya mereka yang dikategorikan sebagai novel motivasi remaja mempunyai pasaran yang begitu luas di Malaysia. Pasaran buku-buku awal remaja mempunyai potensi yang sangat besar di Malaysia kerana produk ini sangat berkurangan. Awal remaja yang berusia antara 10 – 14 tahun, mahukan bacaan yang mengandungi maklumat-maklumat baru di luar liputan buku teks. Melalui maklumat yang mereka temui inilah membantu mereka membentuk keinginan apabila mereka dewasa nanti.

Teknik-teknik menamakan watak yang *evergreen*, menulis cerita berdasarkan rajah tulang ikan dan strategi merancang kejayaan buku akan diajar. Malah strategi mencipta judul buku yang menraik perhatian pembaca juga diterangkan. Begitu juga dengan beberapa hak penulis yang mempunyai harta intelek akan diterangkan kepada para pelajar supaya harta yang mereka cipta dilindungi undang-undang.

Kelebihan Penulisan Kreatif

Secara amnya, penulisan kreatif menggalakkan para pelajar kreativiti dan daya imaginasi pelajar kerana objektif pembelajaran peringkat tinggi adalah menyediakan pelajar bertindak secara bijak dan kreatif terhadap cabaran di dalam kehidupan. Secara khususnya adalah seperti di bawah.

Peluang Keusahawanan

Selain dari kepuasan diri (*self satisfaction*), penulisan kreatif juga boleh dijadikan pendapatan sampingan kepada pelajar-pelajar. Inilah yang dikatakan satu peluang keusahawanan. Setiap karya yang diterbitkan melalui perjanjian bertulis, akan dibayar royalti sekali setahun. Melalui buku rujukan utama, pelajar-pelajar akan didedahkan dengan peluang-peluang yang terdapat di Malaysia untuk mencari wang honorarium dan royalti.

Konsep yang akan diperkenalkan adalah menulis sekali tetapi pendapatan dari pelbagai sumber. Ini merujuk kepada lesen eksklusif yang diberikan kepada penerbit oleh pengarang. Di antaranya adalah:

1. hak menterjemah karya ke dalam semua bahasa (pengarang menggunakan bahasa melayu tinggi bagi memudahkan penterjemahan kepada bahasa lain)
2. hak melakukan melakukan penyesuaian, meringkaskan, memendekkan, memperluaskan dan mengadaptasi
3. hak mengeluarkan semula dengan mesin dan mencetak semula (ulangcetak)
4. hak mempersirikan dalam akhbar dan/atau majalah sama ada dalam bentuk asal ataupun dalam bentuk kartun dan/atau komik
5. hak pementasan
6. hak untuk difilemkan
7. hak bagi menyiarkan melalui televisyen, radio dan apa-apa media siaran bunyi dan/atau pandang dengar
8. hak dalam bentuk buku elektronik
9. hak bagi melesenkan semula
10. hak untuk terbit dalam bentuk kulit keras
11. hak perdagangan (contoh: beg kertas, cenderahati)
12. hak penerbitan elektronik dan multimedia

Sehubungan dengan itu, para pelajar akan memperolehi pendapatan sampingan sekiranya buku yang dihasilkan menerima sambutan di pasaran. Berdasarkan teknologi, penulis muda ini akan diajar bagaimana memasarkan buku mereka sendiri melalui internet kerana penulis menerima diskaun yang tinggi ke atas harga yang ditetapkan penerbit.. Penggunaan blog dan laman web secara maksimum akan digalakkan melalui pengetahuan yang mereka ada. Bagi memudahkan dan menggalakkan pelajar menulis, usaha mereka bentuk perisian yang mengandungi panduan penulisan kreatif yang betul dan maklumat-maklumat keyusahawanan yang diperlukan penulis akan dilakukan.

Aplikasi teknologi diharap dapat membantu pelajar menulis dengan penuh sistematik dan di sinilah daya kreativiti pelajar dapat diaplikasikan iaitu pemasaran efektif melalui internet. Kaedah-kaedah pemasaran diajar kepada pelajar kejuruteraan melalui subjek Keusahawanan. Selain dari itu, perniagaan yang berkaitan dengan dunia penulisan kreatif dapat diceburi oleh mereka pada masa akan datang. Melalui buku yang mereka sudah hasilkan, mereka boleh menganjurkan siri latihan motivasi atau kem remaja kepada remaja masa kini.

Penawar Sakit Mental dan Fizikal

Selain dari itu, penulisan kreatif juga merupakan satu kaedah terapi bagi mengurangkan tekanan dan meningkatkan imuniti tubuh seseorang . Beliau melakukan satu kajian ke atas pelajar-pelajar kolej yang mana mereka perlu menulis selama 20 minit mengenai pengalaman trauma yang mereka telah lalui selama 4 hari berturut-turut. Hasilnya sungguh menakjubkan. Kes tekanan dan kemurungan pelajar-pelajar yang menulis kisah trauma mereka menurun sebanyak 50%.

Penulisan kreatif juga memberi kesan positif ke atas pesakit asma dan artritis . Mereka diminta menulis mengenai pengalaman yang menakutkan selama 20 minit selama tiga hari berturut-turut. Selepas empat bulan, beliau mendapati separuh dari pesakit-pesakit itu menunjukkan kadar pemulihan fungsi paru-paru sebanyak 20%-30%. Ini menunjukkan penulisan kreatif dapat membantu pesakit yang mengalami masalah mental dan fizikal.

Sekolah Kejururawatan Yale semenjak 1999, mengarahkan pelajar-pelajarnya memulakan jurnal penulisan kreatif di dalam salah satu tugas tahun pertama. Tugas itu bertujuan membantu pelajar melihat transformasi diri, fakulti dan juga sebagai rujukan untuk kuliah-kuliah akan datang. Setiap tahun juga para pelajar dipelawa menghantar jurnal penulisan kreatif ke Pertandingan Penulisan Kreatif yang dianjurkan oleh fakulti tersebut.

Contoh Kejayaan

John Norafizan, seorang lulusan Mekanikal Tulen University of Salford, Manchester dan kini menjawat jawatan Ketua Jurutera Industri di Venture Technocom Sdn. Bhd. Telah menghasilkan dua novel kreatif dan sedang menyiapkan manuskrip ketiga dengan tajuk Cinderella Cinta. Beliau mula menulis pada tahun 2000 berikutan masalah kekurangan bahan-bahan pembacaan bermutu di Malaysia. Bukunya yang bertajuk "Tunjukkan Satu Bintang", telah dipilih sebagai novel terbaik di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2005. Ini merupakan satu contoh kejayaan graduan kejuruteraan yang menjadikan penulisan kreatif sebagai satu perantara kejayaan di dalam kareernya.

Kesimpulan

Adalah diharapkan melalui penulisan kreatif ini pelajar dapat memiliki nilai tambah selain dari kelayakan akademik. Ini membantu mereka lebih ke hadapan dan mempercepatkan pembangunan kerjaya mereka. Di samping itu, mereka dapat membuat pilihan di dalam hidup sekiranya mereka tidak mahu lagi meneruskan kerjaya di dalam bidang kejuruteraan khususnya pelajar wanita yang mempunyai pelbagai kekangan khususnya selepas berumahtangga.

Ilmu yang mereka perolehi dapat disampaikan melalui penulisan kreatif dan ini juga satu cara yang boleh dilakukan ahli-ahli akademik untuk menarik pelajar terus membaca buku teknikal yang berbentuk kreatif. Peluang keusahawanan bersandarkan teknologi diharap dapat memberi peluang kepada pelajar-pelajar ini meluahkan idea-idea yang dapat membantu membangunkan masyarakat. Sumbangan mereka di dalam pembangunan modal insan sangatlah diperlukan kerana keintelektualan dan *Soft Skills* yang dipelajari semasa mereka di universiti. KUKTEM amat mengharapkan agar *added value* seperti kemahiran penulisan kreatif ini akan dapat membantu pelajar menambahkan ilmu dan mengaplikasikannya sebagai peneguhan kepada pembelajaran berterusan sepanjang hayat demi membantu pelajar agar lebih bersedia untuk menjadi manusia yang lebih berjaya di masa akan datang.

Rujukan

1. Abdullah, A.B., (2002). Graduan diminta tingkat kemahiran. *Berita Harian*. Dimuat turun dari <http://www.mohr.gov.my/mygoveg/extras/isuyulyaug02.htm> pada 3 Jun 2006
2. Aini Ahmad, Anita Abdul Rani, Haslinda Hashim dan Muhammad Nubli Abd Wahab, *Program Soft Skills Dan Klinik Soft Skills: Konsep Dan Kaedah Pelaksanaan Ke Arah Membentuk Sikap Graduan Berdaya Saing* (Kertas Prosiding dibentangkan di Seminar Sains, Teknologi dan Sains Sosial anjuarn UITM di Kuantan, Mei 2006)
3. Aion, M. (2006), *Buku Kanak-kanak dan Remaja: Pasaran dan Pemasarannya*, Kertas Kerja dibentangkan di Seminar Buku Kanak-kanak dan Remaja, Kuala Lumpur

4. Amir, J. (2005). *Buat Duit Dengan Menulis*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd, Kuala Lumpur
5. Fatmawati, L., Norrihan, S., Muhammad Nubli, A.W., Mansor, S. & Mohd Azam, M.A. (2005). *Moulding Soft Skills Module for KUKTEM*. Penerbit KUKTEM: Kuantan.
6. Goma, Ophelia D. (2001), Creative Writing In Economics, *College Teaching*, Expanded ASAP, Thomson Gale
7. Haslinda Hashim, Muhammad Nubli Abdul Wahab dan Zarina Mohd Ali, *Pembangunan Sahsiah Bersepadu, Konsep dan Pelaksanaannya di Kolej Kejuruteraan Universiti*. (Kertas Prosiding dibentangkan di Seminar Kursus Sokongan anjuran KUKUM di Langkawi, Nov 2006)
8. Haslinda Hashim, Muhammad Nubli Abdul Wahab dan Zarina Mohd Ali, *Konsep Dan Pelaksanaan Soft Skills Di Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM)* (Kertas Prosiding dibentangkan di Seminar Kebangsaan Pengajian Umum anjuran UTM di JB, Jun 2006)
9. Hogan, C. (1995), Creative and reflective journal processes, *The Learning Organization*, Vol. 2 No.2, pp.4-17.
10. Mahaleel. T. (2002). Seminar Industri IPTA, *Qualities for Graduate Students Required For Work in The Private Sector*. 6 – 7 Ogos 2002, Kuala Lumpur.
11. Pennebaker, J.W. (1993), Putting Stress Into Words: Health, Linguistic and Therapeutic Implications, *Behavioral Research Therapy*, Vol. 31, pp. 539-548